

20 FEB 1998

Mahathir-Ekonomi

MALAYSIA LEBIH KUKUH KERANA DITADBIR DENGAN HATI-HATI

KOTA KINABALU, 20 Feb (Bernama) -- Malaysia mampu mengelak daripada meminta bantuan asing dalam menghadapi kemelut ekonomi sekarang ini kerana ia telah ditadbir dengan berhati-hati, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Kestabilan politik negara, hasil daripada kejayaan Barisan Nasional (BN) menyatupadukan rakyat berbilang kaum serta kebijaksanaan dalam mengagihkan kekayaan negara, juga banyak membantu negara dalam menghadapi keadaan ekonomi sekarang, katanya.

"Hakikatnya ialah kita tidak perlu meminta bantuan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dan ini tentulah kerana ekonomi kita lebih kukuh," katanya ketika merasmikan Konvensyen BN Sabah di sini, hari ini.

Beliau bagaimanapun kesal kerana ada parti politik yang disifatkannya sebagai "menanggung di air keruh" dan tidak tahu bersyukur dengan kemampuan negara menangani masalah ekonomi tanpa bantuan asing.

"Orang yang semacam ini tidak tahu bersyukur... Saya berasa amat dukacita (apabila) menerima surat daripada seorang pemimpin parti lawan yang berkata bahawa Malaysia telah gagal dalam mempertahankan ekonominya," kata beliau.

Beliau berkata: "Jika benar Malaysia telah gagal, maka hari ini sudah tentu kita akan berada di bawah kuasa IMF tetapi kita tidak. Kita tidak terpaksa meminta pertolongan daripada mereka," katanya dan disambut tepukan gemuruh daripada lebih 2,000 hadirin. -- BERNAMA

JS PR